

# Kumpulan Perkhidmatan Pemakanan & Pertanian Terkemuka iaitu AB Agri Mengambil alih AgroKorn

AB AGRI MELUASKAN PERNIAGAAN DALAM BIDANG PROTEIN ALTERNATIF DENGAN PEMBELIAN AGROKORN

Pengambilalihan tersebut menandakan kemasukan ke dalam pasaran protein generasi baharu.

Kumpulan perkhidmatan pemakanan haiwan dan pertanian terkemuka Britain iaitu AB Agri sedang mengembangkan keupayaannya dalam bidang protein alternatif yang sedang membangun dengan pengambilalihan AgroKorn.

Perjanjian tersebut menyaksikan pembangun dan pengeluar produk pemakanan haiwan, pracampuran, pengganti susu dan protein alternatif Denmark menyertai komuniti AB Agri yang semakin berkembang, walaupun perniagaan mink AgroKorn tidak diambil alih.

Pengambilalihan tersebut menunjukkan hasrat AB Agri untuk membawa protein generasi baharu ke dalam pasaran makanan haiwan, dan merupakan tindak balas langsung kepada keperluan pelanggan yang semakin meningkat untuk bahan protein berkualiti tinggi yang memiliki komponen teknologi yang kukuh.

Dua perniagaan ini melihat potensi hebat dalam membangunkan pasaran baharu untuk bahan makanan inovatif Alphasoy 530 dan 510 AgroKorn merentasi Asia Tenggara, Amerika Latin dan rantau utama Eropah.

AB Agri juga akan membangunkan potensi jualan rangkaian pracampuran dan pengganti susu AgroKorn yang telah pun mencatatkan kejayaan, teras tawaran produk AgroKorn,

serta membuat pelaburan pada tapak di Denmark.

David Yiend, CEO AB Agri, mengulas: “Sebagai sebuah perniagaan dan juga sebagai sebuah industri, kami berusaha keras menghasilkan lebih banyak makanan untuk lebih ramai orang menggunakan sumber yang kurang. Kepakaran dan kemampuan pasukan AB Agri, sekutu kepada AgroKorn, akan mempercepatkan misi kami untuk melonjakkan pertanian ke tahap baharu.

“Sewaktu AB Agri meneruskan pertumbuhan pesatnya, budaya ingin tahu dan keusahawanan kami akan menyaksikan kami membawa lebih banyak produk dan perkhidmatan maju dari segi teknikal bagi menyokong sektor ternakan, akuakultur dan haiwan kesayangan, dan sudah tentu rantai bekalan makanan pertanian daripada petani kepada peruncit. Kami yakin bahawa platform protein generasi baharu kami memiliki potensi untuk memberi manfaat industri di seluruh dunia.”

Pengarah Jualan AgroKorn Sales and R&D Director, Dennis Jørgensen selaku Pengarah Jualan dan R&D AgroKorn yang akan menerajui perniagaan ini secara komersial, mengulas: “AgroKorn telah menjalinkan perhubungan komersial yang kukuh di seluruh pelusuk Denmark dan menggiatkan usaha menerokai pasaran di luar negara.

“Perkembangan ini bermaksud kami akan disokong oleh sumber dan kemahiran AB Agri dan syarikat induknya iaitu Associated British Foods plc. Protein Alternatif memiliki potensi cemerlang dalam industri ternakan dan kami berharap agar dapat menggabungkan keupayaan komersial AgroKorn dan AB Agri bagi meluaskan sayap ke pasaran antarabangsa dengan portfolio produk kami.”

-Tamat-

NOTA KEPADA PENGARANG:

Mengenai AB Agri

AB Agri ialah sebuah perniagaan perkhidmatan pemakanan haiwan dan pertanian yang bernilai £1.2 bilion, sebahagian daripada Associated British Foods.

AB Agri beroperasi di seluruh rantai bekalan makanan pertanian daripada penyelidikan kepada peruncit, merentangi makanan sebatian berprestasi tinggi dan produk bersama makanan daripada industri makanan, minuman dan biobahan api, mikro-bahan makanan, perkhidmatan analisis dan perundingan, ternakan dan pemasaran ayam itik.

AB Agri bermula pada tahun 1984, bekerjasama dengan British Sugar untuk membawa hasil sampingan dari kilang-kilang gula dan menukarkannya kepada makanan haiwan yang berkhasiat dan murah. Perniagaan tersebut telah berkembang pesat melalui pengambilalihan, kepakaran teknologi, inovasi pemakanan dan pembangunan pasaran. Kini AB Agri menggaji lebih daripada 3,000 pekerja dan membekalkan produk dan perkhidmatan kepada petani, pengilang makanan dan makanan ternakan, pemproses, serta peruncit yang menjual produk-produk di lebih daripada 70 buah negara.

Maklumat lanjut boleh didapati di [www.abagri.com](http://www.abagri.com)

### Mengenai AgroKorn

AgroKorn telah diasaskan di Denmark pada tahun 1994 oleh Anton Aarup dan telah berkembang kepada perniagaan makanan haiwan yang berjaya dan memberi keuntungan, komoditi jualan yang diniagakan, vitamin cecair, pracampuran, pengganti susu dan lebih banyak produk inovatif, terutamanya Alphasoy 530 dan 510.

Maklumat lanjut boleh didapati [www.agrokorn.dk](http://www.agrokorn.dk)

Pegawai untuk dihubungi:

David Manning, Ketua Komunikasi, AB Agri  
e: [david.manning@abagri.com](mailto:david.manning@abagri.com)